



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 9 JULAI 2023**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM HENTI KEBERGANTUNGAN BERAS IMPORT, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SMART SBB TANGANI KEBERGANTUNGAN BERAS IMPORT, HM -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

KPKM henti bergantung beras import



Azman melihat padi yang ditanam pada Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan IADA Kemasin Semerak - Kilang Beras Rajang di Kampung Surau Bator, Jelawat

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berusaha menghentikan bergantung beras import dalam negara dalam tempoh dua tahun.

Justeru, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM, Datuk Azman Mahmood berkata, pengeluaran padi perlu dihasilkan antara tujuh hingga 10 tan metrik per hektar untuk setiap musim.

Menurut beliau, antara usaha bagi tujuan ialah program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan yang kini dilaksanakan di seluruh negara.

"Melalui kaedah ini, kita tidak lagi perlu bergantung beras import sebaliknya dapat mengeksport makanan utama ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan IADA Kemasin Semerak - Kilang Beras Rajang di Kampung Surau Bator, Jelawat, di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah IADA Kemasin Semerak, Rohani Jusoh.



Azman merasmikan Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan IADA Kemasin Semerak - Kilang Beras Rajang di Kampung Surau Bator, Jelawat pada Ahad.

Azman memberitahu, kaedah sistematik yang diguna pakai termasuk internet kebendaan (IoT) dan jentanam (transplanter) boleh meningkatkan hasil padi daripada 3.75 metrik

tan kepada tujuh metrik tan per hektar.

Kaedah efisien berkenaan katanya mampu menjimatkan penggunaan baja dan racun dan sudah melibatkan 11,000 hektar tanaman padi seluruh negara kecuali Melaka dan Johor.

Beliau juga mahu lebih ramai golongan muda menjadi penanam padi kerana kini terdapat kira-kira 90 peratus penanam berusia 50 tahun ke atas.

Selain itu, Azman turut memaklumkan KPKM akan bekerjasama dengan pakar dari Indonesia untuk memperkenalkan benih padi yang hanya mengambil masa 75 hari untuk dituai.

Jelas beliau, ia dapat menyasarkan tanaman padi sehingga tiga kali setahun sekali gus menambah pendapatan petani daripada RM1,700 kepada RM4,000 semusim.

Sebelum ini jangka masa panjang menyebabkan petani mampu menanam padi dua kali setahun

Program SMART SBB melibatkan sebuah syarikat swasta dapat membantu petani mengatasi masalah penanaman selain bantuan sedia ada yang disalurkan oleh kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Azman berkata, sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung kes penukaran beras tempatan kepada kempit beras import untuk menaikkan harga beras.

Perkara itu tular di media sosial sejak beberapa hari lalu.

Jelas beliau, pihaknya memberi fokus kepada 162 kilang komersial yang membeli padi tempatan untuk diproses sebelum dijual.

Azman turut memberitahu, Ops Jamin dilaksanakan KPKM bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam tempoh sebulan bagi mengatasi kes penyelewengan berkaitan makanan utama itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

SMART SBB tangani kebergantungan beras import



Bachok: Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan yang dilaksanakan di seluruh negara mampu menghentikan kebergantungan beras import dalam negara dalam tempoh dua tahun.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan (KPKM) Datuk Azman Mahmood berkata, menerusi SMART SBB, penanaman padi dilaksanakan secara lebih sistematik.

Menurutnya, ia menggunakan internet kebendaan (IoT) dan penggunaan jentanam (transplanter) yang boleh meningkatkan hasil padi daripada 3.75 metrik tan kepada enam ke tujuh metrik tan sehektar.

"Penanam efisien ini mampu menjimatkan penggunaan baja dan racun, malah kita sudah lancarkan ke lebih 11,000 hektar tanaman padi seluruh negara kecuali Melaka dan Johor

"Pelaksanaan program ini sedang dilaksanakan di seluruh negara dan membantu peningkatan hasil lebih 50 peratus," katanya.



Azman (dua dari kanan) melawat pameran sempena Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan IADA Kemasin Semerak - Kilang Beras Rajang di Kampung Surau Bator, Jelawat. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis perasmian SMART SBB ala Sekinchan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersatu

(IADA) Kemasin Semerak di Kampung Surau Bator, Jelawat, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah IADA Kemasin Semerak, Rohani Jusoh.

Azman berkata, KPKM juga akan bekerjasama dengan pakar dari Indonesia untuk memperkenalkan benih padi yang hanya mengambil masa 75 hari berbanding 105 hari bagi benih biasa yang digunakan petani seperti varieti MR219, MR297.

"Jangka masa panjang menyebabkan kita hanya mampu tanam dua kali setahun atau sesetengah tempat hanya sekali setahun, tapi dengan varieti ini kita jangka mampu tanam tiga kali setahun (semusim) sekali gus menambah pendapatan petani," katanya